

Headline	Jangan cabul Janda Baik kami		
MediaTitle	Utusan Sarawak	Language	Malay
Date	10 Jan 2017	Readership	113,943
Circulation	37,981	Page No	10
Section	TEMPATAN	Journalist	N/A
ArticleSize	203 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 1,993		



## “Jangan ‘cabul’ Janda Baik kami”

**BENTONG:** Kira-kira 2,000 penduduk Kampung Janda Baik di sini mengulangi desakan agar laluan talian penghantaran elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Hutan Simpan Lentang dikaji semula kerana dikhuatir menjejaskan kahanan alam dan penduduk.

Mereka mendakwa penerokaan hutan bagi fasa ketiga projek itu yang melibatkan kawasan seluas 99.85 hektar dari selatan Bentong ke Lenggeng, Negeri Sembilan, turut mencemarkan lima sungai yang membekalkan air bersih ke Janda Baik dan kawasan peranginan sekitar.

“Kami tidak pernah membantah projek pembangunan untuk rakyat, yang kami persoalkan kenapa mesti melalui hulu sungai berhampiran Janda Baik yang rata-rata penduduk bergantung pada pelancongan sebagai sumber pendapatan,” kata Jafri Jais, 53 kepada pemberita di sini

semalam.

Menurut Timbalan Pengurus Penaja Persatuan Pengusaha Penginapan dan Ekopelancongan Janda Baik itu penerokaan hutan yang berlaku sejak tiga bulan lepas menyebabkan air Sungai Benus keruh terutama selepas hujan, selain turut menjejaskan empat lagi sungai.

Katanya bagi menunjukkan bantahan mereka, penduduk mengadakan kepungan di hulu Sungai Benus sejak tiga bulan lepas selain menghantar surat kepada yang berkenaan termasuk TNB dan Jabatan Perhutanan Pahang.

Rentetan itu satu dialog diadakan oleh TNB dengan penduduk yang menyaksikan gergasi utiliti tersebut mengarahkan kontraktor mengeluarkan lima jentera berat yang sebelum ini dibawa masuk bagi membuka laluan untuk projek tersebut.

Lima jentera berat itu dibawa keluar hari ini dan disam-

but gembira oleh penduduk sekalipun belum ada jaminan akan semakan semula jajaran Menara penghantaran elektrik terbabit.

Sementara itu, Mohd Rosli Norr, 50, yang mengetuai gerakan bantahan penduduk, berkata penerokaan hutan semasa pelaksanaan fasa satu dan dua projek tersebut merangkumi Hulu Sembah dan tanah kelompok Kampung Janda Baik terbukti memberi kesan buruk kepada alam sekitar.

“Walaupun dinafikan, kita tahu sedikit sebanyak kejadian tanah runtuh di Lebuh Raya Karak berhampiran Hutan Simpan Lentang pada 11 November 2015 berpunca daripada aktiviti pembalakan di kawasan itu.

“Kita tidak mahu kejadian itu berulang dan menimpa penduduk Janda Baik pula,” katanya.

Seorang penduduk, Mohammad Yusabanan Yusof, 41, mendakwa kegagalan pihak

berkuasa memantau kegiatan penerokaan hutan menyebabkan kontraktor terlibat tersasar daripada laluan yang ditetapkan dan membuka laluan haram bagi tujuan mengambil balak.

“Pembukaan laluan itu juga memberi peluang kepada pembalak haram untuk masuk dan mencuri hasil hutan yang banyak di sini seperti kayu cengal, meranti dan tanaman herba,” katanya.

TNB sebelum ini dilapor melaksanakan dua projek infrastruktur iaitu talian penghantaran 500kV dari selatan Bentong ke Lenggeng dan juga talian 275kV dari selatan Bentong ke timur Ampang yang melalui kawasan Hutan Lipur Lentang, Pahang.

Apabila siap pada 2017, rangkaian talian penghantaran ini akan menjadi sebahagian daripada Sistem Grid Nasional. – Bernama